

13 FEB 2003

DR MAHATHIR RASMI MESYUARAT PERSATUAN BAGI PEMBEDAHAN KARDIOVASKULAR

KUALA LUMPUR, 13 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini merasmikan mesyuarat tahunan ke-11 Persatuan Asia bagi Pembedahan Kardiovaskular (ASCVS) di sini.

Dalam perutusannya pada buku program mesyuarat itu, Perdana Menteri menyatakan rasa gembiranya mesyuarat berkenaan berjaya menarik anggota perwakilan daripada 30 negara.

Beliau berharap pertukaran maklumat saintifik pada mesyuarat itu akan memberi manfaat kepada masyarakat dunia keseluruhannya.

Mesyuarat itu akan memberi tumpuan perbincangan kepada kemajuan terkini dalam pelbagai aspek bidang pembedahan kardiovaskular.

Sejak penubuhannya pada 1992, mesyuarat tahunan ASCVS telah diadakan di pelbagai bandaraya di Jepun, Korea, Taiwan dan Singapura.

Mesyuarat empat hari itu yang bermula semalam cuba membuka jalan bagi kemajuan pembedahan kardiovaskular pada masa depan.

-- BERNAMA

HS KHY RON